



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 6 / 2008

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang masih dalam perkhidmatan mahupun yang telah bersara yang berhak untuk mendapatkan Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardhu Haji adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan-permohonan mereka untuk dipertimbangkan bagi Musim Haji 2009 Masihi (1430 Hijriah). Permohonan-permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **04 Safar 1430 bersamaan 31 Januari 2009** dan permohonan-permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan. Syarat-syarat bagi pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang boleh memohon tambang ini hendaklah terdiri daripada:-

- i. Pegawai-pegawai Kerajaan yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (yang mempunyai Kad Pengenalan berwarna kuning); dan
- ii. Pegawai-pegawai yang telah berkhidmat selama 15 tahun dalam perkhidmatan tetap; atau
- iii. Pegawai-pegawai yang telah berkhidmat selama 15 tahun dalam perkhidmatan dari sebulan ke sebulan atau open-vote; atau
- iv. Pegawai-pegawai yang telah bersara dan memenuhi syarat-syarat yang lazim sama ada berjawatan tetap mahupun dari sebulan ke sebulan atau open-vote dan yang telah menamatkan perkhidmatan mereka selama 15 tahun dalam perkhidmatan bergaji bulan; dan
- v. Pegawai-pegawai yang memohon itu belum pernah menunaikan fardhu haji dengan kurnia tambang seperti berikut di bawah ini:-
 - a) Kurnia tambang daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - b) Kurnia tambang daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang masih dalam perkhidmatan atau yang telah bersara.
 - c) Kurnia tambang daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi orang-orang muallaf.



- vi. Mana-mana pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkesempatan menunaikan fardhu haji sebagai Pegawai Perhubungan Haji atau dengan lain-lain urusan Kerajaan adalah dibolehkan memohon tambang ini.

2. **KELAYAKAN PENGURNIAAN**

Pengurniaan ini adalah bagi seperti berikut:-

- i)
 - a) Pegawai (Suami) dan isterinya (jika suami yang bekerja), atau
 - b) Pegawai (Isteri) dan Suaminya (jika isteri yang bekerja), atau
 - c) Pegawai sendiri, atau
 - d) Isterinya sahaja (jika suami yang bekerja), atau
 - e) Suaminya sahaja (jika isteri yang bekerja),
 - ii) Bagi Pegawai yang telah menuntut kurnia tambang Menunaikan Fardhu Haji Kerajaan Perkhidmatan 15 tahun semasa ianya masih bujang, jika ia berhajat untuk menuntut kurnia tambang tersebut bagi isteri atau suaminya yang belum pernah menerima kurnia tambang di para (1) ceraian [v] {a} hingga {c}, maka pegawai tersebut hendaklah menghadapkan permohonannya bersama dengan salinan sijil pernikahannya. Isteri atau suami pegawai tersebut boleh juga memohon atas perkhidmatannya sendiri untuk dirinya sahaja jika ianya berkhidmat dengan Kerajaan dan mencukupi syarat.
3. Perkhidmatan selama 15 tahun bererti perkhidmatan tetap bergaji bulan, dari sebulan ke sebulan atau open-vote dikira dari tarikh mula berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji bulan hinggalah kepada tarikh terakhir iaitu hari Sabtu, 04 Safar 1430 bersamaan 31 Januari 2009 tetapi tidaklah termasuk perkhidmatan dalam bergaji hari.
4. Mereka yang menerima pengurniaan tambang ini adalah dikehendaki menguruskan penerbangan/pelayaran mereka menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jemaah Penasihat Haji, Negara Brunei Darussalam. Jika didapati menyalahi peraturan-peraturan yang ada, maka kurnia tambang ini akan ditarik balik.
5. Mana-mana pegawai yang telah dikurniakan tambang tetapi tidak meneruskan pemergiannya adalah dikehendaki untuk menghadapkan surat pembatalan ke Jabatan Urusan Haji melalui Ketua Jabatan masing-masing pada tahun ini juga dan jika pegawai tersebut berhajat untuk menunaikan fardhu haji dengan menggunakan tambang tersebut pada tahun berikutnya, maka hendaklah menghadapkan borang permohonan yang baru bagi dipertimbangkan semula setelah Surat Keliling mengenainya dikeluarkan.



6. Mereka yang dikurniakan tambang haji dan telah menerima tambang tersebut tetapi tidak dapat meneruskan pemergiannya bagi menunaikan fardhu haji kerana suatu sebab yang tertentu adalah dikehendaki supaya mengembalikan wang tambang yang sudah diterimanya itu kepada Kerajaan selewat-lewatnya seminggu dari tarikh penerimaannya melalui Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.
7. Permohonan hendaklah dihantar ke Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam melalui Ketua Jabatan pemohon berserta dengan laporan catatan perkhidmatan dan percutian pemohon yang lengkap. Ketua Jabatan hendaklah meneliti permohonan tersebut dan memastikan bahawa keterangan-keterangan yang diberikan adalah lengkap dan betul sepertimana yang dikehendaki.
8. Untuk kepentingan pentadbiran, sekiranya perkhidmatan seseorang itu dikehendaki dan pemergiannya dikira akan menjejaskan pentadbiran pejabatnya maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhak menangguhkan sesuatu permohonan di bawah peraturan ini.
9. Permohonan untuk mendapat pengurniaan tambang ini mestilah dibuat melalui borang yang telah disediakan oleh Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut bolehlah diperolehi dari Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.
10. Mana-mana pegawai dan kakitangan Kerajaan yang telah diberhentikan perkhidmatannya dengan Kerajaan kerana telah melakukan kesalahan-kesalahan yang disabitkan oleh mana-mana mahkamah, atau melanggar Peraturan Am, maka ianya tidaklah berhak untuk mendapatkan kurnia tambang ini walaupun ianya telah berkhidmat dengan Kerajaan selama 15 tahun. Manakala pegawai dan kakitangan Kerajaan yang telah berhenti dari berkhidmat dengan Kerajaan dengan kemahuanya sendiri maka permohonannya untuk mendapatkan kurnia tambang ini boleh dipertimbangkan dalam perkara-perkara berikut:-
 - i. Ia telah berkhidmat dengan Kerajaan selama 15 tahun sebagaimana yang terkandung di para 3 di atas.
 - ii. Perkhidmatannya dengan Kerajaan adalah memuaskan. Dalam hal ini, laporan dan sokongan daripada Ketua Jabatannya hendaklah disertakan bersama-sama dengan borang permohonan yang telah diisi sepertimana terkandung di para 7 di atas.
11. Jika mana-mana pegawai dan kakitangan Kerajaan meninggal dunia dan telah berkhidmat dengan Kerajaan selama 15 tahun, sama ada ia telah atau belum bersara dan sama ada ia telah atau belum memohon kurnia tambang ini semasa masih dalam perkhidmatan dengan Kerajaan maka isterinya/suaminya adalah berhak untuk menerima kurnia tambang ini bagi dirinya sahaja dengan menyertakan salinan Sijil Nikah dan Sijil Kematian serta mempunyai MAHRAM untuknya menunaikan fardhu haji. Dan jika isterinya itu berkahwin lagi, maka isterinya tidak lagi berhak ke atas tambang tersebut.



12. Mana-mana pegawai dan kakitangan Kerajaan yang beristeri lebih daripada seorang dan hendak membawa bersamanya salah seorang atau ke semua isteri-isterinya maka hendaklah ia membuat pengundian di kalangan isteri-isterinya bagi pemberian hak kurnia tambang tersebut kecuali ada diantara isteri-isterinya itu yang berkhidmat atau telah bersara dengan Kerajaan dan berkelayakan sesuai dengan peraturan yang ada serta belum pernah dikurniakan mana-mana kurnia tambang yang dinyatakan di para (1) cerai (v) [a], [b], dan [c] di atas, maka isterinya itu bolehlah memohon untuk dirinya sahaja.

Pegawai Kerajaan yang berstatus janda atau balu atau duda jika ianya telah dikurniakan tambang untuk dirinya sahaja dan apabila ianya telah berkahwin lagi, maka ianya berhak untuk memohon bagi suaminya atau isterinya jika suaminya atau isterinya itu belum pernah dikurniakan mana-mana tambang yang dinyatakan di para (1) cerai (V) [a], [b] dan [c] di atas.

13. Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama berhak membatalkan atau menarik balik atau menengguhkan kebenaran yang telah diperuntukkan kepada pemohon jika pemohon telah didapati diambil tindakan tatatertib selepas mendapat perkenan atau setelah dibuat pembayaran mengenainya sebelum ianya berangkat ke Tanah Suci.

14. Pemohon adalah juga dikehendaki mendaftar untuk menunaikan fardhu haji sebaik-baik sahaja pengumuman mengenainya dikeluarkan oleh Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

15. Surat Keliling ini adalah bagi menggantikan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2008.

[DATO PADUKA HAJI MUSTAPPA BIN HAJI SIRAT]

Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (6) JPM/SK/2008
Tarikh : 29 Syawal 1429
30 Oktober 2008